

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 29 NOVEMBER 2023, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTAMBAH HORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**
- 3. SOALAN LISAN -**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 1 (A214)**

Apakah tindakan konkrit yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengatasi kes bunuh diri yang semakin meningkat di kalangan penduduk dan membantu mereka yang berisiko?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 2 (A44)**

Adakah Tourism Johor berancang untuk mewujudkan sebuah Pusat Informasi Pelancongan di Bandar Tangkak memandangkan bandar ini merupakan sebuah lokaliti yang strategik?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 3 (A66)**

Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha memajukan sektor pelancongan di Daerah Tangkak.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 4 (A215)**

Terdapat banyak aduan sepanjang kerja-kerja naiktaraf jalan FT050 yang mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya dan masalah banjir kilat. Minta dinyatakan apakah usaha pihak kerajaan menanganinya.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 5 (A159)

Sejauh manakah kerajaan negeri menekankan akan usaha untuk memperkasa golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian masa kini dan apakah inisiatif yang disediakan untuk dimanfaatkan oleh mereka?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 6 (A85)

Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengawal kadar sewa premis seperti rumah dan kedai supaya tidak membebankan penyewa. Perlukah ditetapkan harga siling supaya harga dapat di selaraskan?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 7 (A134)

Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menyelaraskan strategi pelaburan dan perindustrian di Johor dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada September yang lalu.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 8 (A90)

Mohon nyatakan jumlah saudara baru mualaf bermula dari tahun 2020 sehingga sekarang di negeri Johor dan bagaimanakah status pemantauan serta rancangan pemurnian akidah kepada mereka dan umat Islam secara keseluruhannya?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 9 (A192)

Berapakah jumlah sekolah dan peruntukan keseluruhan bagi Projek Penyelenggaraan Tandas RM70,000 setiap sekolah yang peruntukannya diberi oleh Kerajaan Persekutuan serta apa tindakan kerajaan negeri dalam membantu dan memantau menyiapkan projek agar pelajar-pelajar negeri Johor dapat manfaatnya?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 10 (A77)

Apakah perkembangan terkini cadangan kerajaan untuk mewujudkan Hab atau pusat makanan ringan yang diusahakan usahawan wanita di setiap daerah di negeri Johor dalam usaha meningkatkan ekonomi golongan Wanita terutama ibu tunggal dan wanita B40.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 11 (A87)

Apakah usaha kerajaan negeri membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam sektor pekerjaan supaya golongan tersebut boleh bekerja seperti orang

biasa? Sejauh manakah keterlibatan golongan ini memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 12 (A185)

Sejauh manakah taraf sendiri dan menaik taraf Orang Kurang Upaya (OKU) dalam menjadikan tahap pendidikan kemahiran sendiri untuk mereka bekerja dan apakah peluang menaikkan taraf hidup golongan ini untuk boleh bekerja supaya mereka mampu berdikari tanpa mengharapkan ihsan orang lain.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 13 (A56)

Nyatakah jumlah Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang berada di Pusat Bandar Maharani dan berapa yang berfungsi?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 14 (A200)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menaik taraf jalan dan parit di Kampung Parit Amat yang kini pengguna jalan tersebut telah bertambah berikutan pembinaan banyak taman-taman perumahan di dalam kampung tersebut sehingga menyebabkan hakisan?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 15 (A161)

Bagaimana perancangan dan pelaksanaan Kerajaan Negeri Johor dalam pelaksanaan inisiatif yang sangat baik iaitu Biasiswa Orang Muda Johor?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN 16 (A210)

Kadar kelahiran kanak-kanak dengan penyakit jarang jumpa di Johor didapati lebih tinggi berbanding negeri lain. Adakah Kerajaan Negeri Johor merancang untuk melaksanakan program insurans yang melindungi kanak-kanak ini dan pada masa yang sama membantu mengurangkan beban kewangan keluarga yang terlibat?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 17 (A36)

Pekan Bekok merupakan pintu masuk ke kawasan Eco-Pelancongan Rimba, Bekok juga menjadi Pusat Aktiviti Karnival Durian Bekok yang telah berjaya menarik pelancong luar terutamanya dari Singapura. Apakah perancangan kerajaan melalui belanjawan 2024 bagi merencanakan lagi sektor pelancongan di Bekok?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 18 (A126)

Kerajaan Johor dilihat menerima pelaburan dari luar negara yang agak tinggi dan ia dinikmati oleh kumpulan konglomerat. Bagaimanakah langkah kerajaan memastikan peningkatan ekonomi negeri Johor dapat melimpah hingga kepada rakyat jelata seperti kontraktor-kontraktor kecil, usahawan-usahawan kecil dan juga peruncit?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 19 (A114)

Bagaimanakah kaedah ICU mendapatkan maklumat lalu menyenaraikan sesebuah keluarga/individu itu berstatus miskin tegar/miskin dan mereka layak didaftar dalam senarai e-kaseh. Bilakah kali terakhir butiran e-kasih dikemas kini?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 20 (A204)

Mengapakah cukai taksiran untuk rumah kediaman didalam kawasan MPK ditetapkan pada kadar 0.20%, manakala banyak rumah kediaman di JB adalah 0.08%?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 21 (A124)

Mohon nyatakan bilangan usahawan baharu yang telah dilahirkan melalui program Keusahawanan Bangsa Johor (Road to Entrepreneurship, Latihan Usahawan Johor & Pembangunan Usahawan Asnaf) pada tahun 2023.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 22 (A104)

Apakah usaha kerajaan dalam memperkasa Pusat Ekonomi Digital PEDi agar lebih relevan seiring dengan keperluan masyarakat luar bandar seperti DUN Bukit Nanning terutama dalam menyediakan infrastruktur, jaringan internet serta aktiviti yang dilaksanakan bagi menarik minat penyertaan penduduk setempat?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 23 (A199)

Apakah rancangan kerajaan di dalam menambah baik sistem lalu lintas di Jalan Tanjung Labuh dan Jalan Bukit Pasir bagi mengurangkan kesesakan dan risiko kemalangan dan bilakah jangkaan rancangan tersebut dapat dijalankan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 24 (A24)

Adakah kerajaan masih meneruskan program pembinaan rumah di bawah KPLB dan setakat suku ke-4 tahun 2023, berapa ramai penduduk kawasan DUN Endau telah menerima manfaat ini?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 25 (A135)

Nyatakan perancangan untuk menyediakan satu aplikasi telefon pintar bagi tujuan pembayaran parking bagi seluruh kawasan Greater Johor Bahru di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 26 (A28)

Kondisi sistem peparitan di Kampung Baru Jementah dan taman-taman berdekatan yang berbentuk "V" sudah lama rosak/sumbat dan menyebabkan pinggir parit dan jambatan terhakis. Penduduk di sekitar melebihi 1000 rumah dan 2 sekolah. Bila akan dinaiktaraf?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 27 (A207)

Apakah status perancangan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di Bandar Seri Impian Kluang, adakah kerajaan negeri juga bercadang membina Sekolah Agama di Bandar Seri Impian bagi kawasan tersebut?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 28 (A92)

Bagi memberi inisiatif nilai pembelian barang yang terus meningkat, Sedili mencadangkan agar kerajaan negeri mewujudkan Kedai Maju Johor yang memberi jualan harga barang patut kepada rakyat Johor dengan belian menggunakan Kad Pengenalan 01 & 23.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 29 (A29)

Berapa kalikah program perpaduan telah dianjurkan di Segamat dalam tahun 2023?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 30 (A141)

Minta dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan institusi-institusi antarabangsa dan syarikat multinasional bagi merancakkan lagi ekonomi Johor dalam sektor kelestarian dan sektor lain yang berkaitan.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 31 (A103)

Melalui Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (RTD 2030) dan pembangunan Muar Furniture Park oleh JCorp, adakah kerajaan bercadang membangunkan kampung-kampung kecil dan sekitarnya seperti Mukim Ayer Hitam bagi

memastikan ia turut menerima manfaat daripada limpahan ekonomi yang terjana kelak?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 32 (A166)

Sebagai persediaan menghadapi bencana khususnya banjir, berapakah jumlah Pusat Pemindahan Kekal (PPK) yang bakal dibina di negeri Johor. Terdapat cadangan mendirikan PPK tersebut di SMK Tunku Putra, Tongkang Pechah, Batu Pahat.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 33 (A197)

Berapa banyak permohonan rayuan BWI dan BBKA mangsa banjir di Batu Pahat telah ditolak serta alasan penolakan tersebut dan adakah sebab dan alasan penolakan tersebut telah disampaikan kepada pemohon?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 34 (A18)

Bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan satu sistem amaran berpusat yang akan memberikan makluman awal kepada rakyat terutama di kawasan rendah yang kerap berlakunya banjir? Sejauh manakah pihak NADMA telah dapat menyelesaikan isu-isu berkaitan tuntutan bantuan berkaitan banjir apabila rayuan telah dibuat?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 35 (A54)

Apakah tindakan susulan yang akan diambil kerajaan negeri terhadap Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana Negeri Johor selepas dibentangkan pada sidang Dewan yang lepas?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 30 November 2023, jam 9:30 pagi.